

25 APR 2003

Sambutan-Kemerdekaan

SAMBUTAN PENUTUPAN BULAN KEMERDEKAAN JANJI KELAINAN

KOTA KINABALU, 25 April (Bernama) -- Sambutan penutupan Bulan Kemerdekaan di sini pada 16 Sept ini bakal menjanjikan sesuatu yang istimewa dengan mengambil kira semangat Kemerdekaan serta keunikan sambutan itu sebagai acara utama dalam kalendar pelancongan negara.

Pengerusi jawatankuasa induk sambutan Datuk Anifah Aman berkata jawatankuasa sedang merangka acara yang mempunyai kelainan berbanding sambutan sebelum ini.

"Kita mahu sesuatu yang berlainan, satu acara yang dapat merangkumi budaya keseluruhan rakyat Malaysia tapi coraknya berbeza daripada yang sudah-sudah. Kita tidak mahu ada ulangan daripada sambutan lepas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua jawatankuasa itu di sini, hari ini.

Anifah yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama mewakili Kerajaan Persekutuan dalam jawatankuasa induk itu manakala Menteri Belia dan Sukan Sabah Tan Sri Joseph Kurup mewakili Kerajaan Negeri Sabah.

Menurut Anifah, selain idea daripada anggota jawatankuasa, maklumatbalas pelbagai pihak termasuk orang ramai dan sektor swasta akan diambil kira dalam menganjurkan acara itu.

"Ini bukan sambutan khas untuk negeri Sabah. Ini sambutan nasional... kita akan hubungi negeri-negeri untuk mereka mengambil bahagian supaya pelancong akan dapat menyaksikan bukan sahaja warisan budaya negeri Sabah tetapi juga negeri-negeri lain," kata beliau.

Acara itu akan berlangsung di sekitar Kompleks Sukan Likas untuk menyediakan ruang yang lebih besar bagi menampung kunjungan orang ramai dan pelancong yang dianggarkan boleh mencapai jumlah 100,000 orang.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri-menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri merupakan tetamu kenamaan selain anggota kor diplomatik di negara ini, katanya.

Sebagai acara utama dalam kalendar pelancongan negara, pengusaha pelancongan dan perhotelan akan turut menyebarkan maklumat mengenai acara itu di luar negara serta mengatur pakej pelancongan khusus untuk sambutan itu, katanya.

"Kita berharap juga pada ketika itu masalah SARS akan berkurangan," kata beliau.

-- BERNAMA

JS PR